

TARIKH: 23/9/23.
SURAT KHABAR: Sinar Harian
MUKA SURAT: 3

TELUK & TULUS • TIDAK DICENGGAM OLEH TANGAN GHAIB • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

>> SAMBUNGAN DARI MUKA 2

“Cumma untuk kali ini, Anwar perlu mempunyai keberanian politik bagi memilih individu yang terbukti boleh buat kerja dan mempunyai pemikiran di luar kotak.”

“Kena faham Anwar hanya tinggal baki tempoh tiga tahun sahaja untuk merealisasikan agenda Kerajaan Madani dan tempoh perubahan madu kerajaan ini hakikatnya sudah tamat.”
tegas Pengerusi Suruhanjaya

Pengurusan Air Negara (SPAN) itu.

Bagi Pensyarah Pusat Perdana, Fakulti Teknologi & Informatik Razak, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Profesor Madya Dr Mazlan Ali, rombakan Kabinet selepas PRK Pelangai adalah satu amalan praktikal mengambil kira ukuran sebenar prestasi Jemaah Menteri kebiasaannya sudah dinilai selepas 100 hari pentadbiran kerajaan.

Katanya, sekiranya terbukti ada menteri gagal mencapai petunjuk prestasi

TELUK & TULUS
Sinar
sinarharian.com.my
Harian

SABTU 23 SEPTEMBER 2023 • SINAR HARIAN

NASIONAL

3

utama (KPI) ditetapkan Anwar, maka

Menteri Kewangan itu tidak mempunyai banyak masalah untuk melakukan rombakan Kabinet susulan tahap sokongan ahli Parlimen terhadapnya sangat kukuh dan mencapai angka hampir dua pertiga (147 orang).

“Saya fikir jika benar Anwar memper-
timbangkan rombakan kabinet, ia pastinya untuk memantapkan dan memperbaiki ruang-ruang pentadbiran kerajaan sedia

ada.

“Cumma buat masa ini, tidak sesuai untuk PMX melaksanakan rombakan besar-besaran. Mungkin penyusunan semula portfolio Kementerian boleh dipertimbangkan beliau adalah melibatkan Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Kementerian Komunikasi dan Digital, Kementerian Ekonomi serta Kementerian Sumber Manusia,” ujarnya.